



**Juara : Pasukan Hidayat** **Juara : Pasukan Maharani**

Politeknik Jeli telah menganjurkan Kejohanan Futsal pada 18 Disember 2010 bertempat di Ku Yo Futsal Centre Tanah Merah, Kelantan. Kejohanan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan disertai oleh 39 pasukan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan belia dari daerah Tanah Merah, Machang, Kota Bharu, Jeli dan beberapa daerah lain di Kelantan.

Menurut En Mohd Nor Bin Yusof, Pegawai Sukan & Kokurikulum Politeknik Jeli kejohanan yang berlangsung selama sehari ini merupakan idea Pengarah Politeknik Jeli Tuan Haji Azizi Bin Lin yang antara tujuannya adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan pihak politeknik terutamanya Polieknik Jeli disamping menyediakan peluang untuk masyarakat menjalani aktiviti sukan dan riadah.

“Kejohanan yang dianjurkan oleh Unit Sukan & Kokurikulum Politeknik Jeli ini telah mencapai

matlamatnya dan para pemain telah bermain dengan penuh semangat kesukanan”, katanya ketika dihubungi oleh pihak Sinar Harian.

Pasukan Hidayah B dari Kok Lanas telah muncul sebagai Juara selepas menewaskan pasukan Maharani dari Tanah Merah dengan jaringan 1 - 0 di perlawanan akhir. Pasukan Hidayah B layak ke perlawanan akhir setelah menewaskan pasukan dari Ayer Lanas dengan jaringan 1 - 0 di peringkat separuh akhir. Manakala pasukan Maharani telah memenangi perlawanan menentang pasukan Hidayah A dengan 2 - 1.

Juara bagi kejohanan ini membawa pulang wang sebanyak RM 500 dan naib juara sebanyak RM 300.00. Manakala tempat ketiga ialah sebanyak RM 200 dan keempat ialah RM 100.